

A. Tulis JUJUR atau TIDAK JUJUR dalam petak kosong berdasarkan situasi di bawah ini:

BIL	SITUASI	JUJUR ATAU TIDAK JUJUR
1	Saya telah memecahkan cermin Shafiqah. Saya berjumoa dengan Shafiqah dan memberitahu perkara yang berlaku.	
2	Sahabat baik kamu meminta kamu untuk menyimpan tiga bungkus coklat. Awak telah memakan sebungkus coklat tersebut.	
3	Anda mengaku kepada guru kelas bahawa anda yang mencetuskan pergaduhan dengan pelajar lain semasa waktu rehat.	
4	Ibu memuji kamu kerana membersihkan pinggan dan mangkuk di dapur sedangkan kakak kamu yang membersihkannya.	
5	Daniel memulangkan semula telefon bimbit abangnya yang dipinjamnya semalam.	
6	Ewan menyimpan baki duit ibunya di dalam tabung tanpa pengetahuan ibunya.	
7	Susanti meminjam novel kawannya tetapi dia tidak memulangkan novel tersebut setelah dia habis membacanya.	
8	Hadif mengetuk pintu Haji Zakwan lalu meminta maaf padanya kerana memetik buah manga tanpa pengetahuan Haji Zakwan.	
9	Alimin tidak mahu menerima apa juga bentuk upah yang diberikan oleh neneknya ketika dia menjaga neneknya yang demam.	
10	Syaza membaca diari sahabat karibnya, Erdina tanpa pengetahuan Erdina lalu Syaza menceritakan isi kandungan diari Erdina kepada rakan-rakannya yang lain.	

B. Pilih kepentingan sikap amanah.

BIL	KEPENTINGAN SIKAP AMANAH	JAWAPAN
1	mewujudkan ketidaksefahaman dalam masyarakat.	
2	meningkatkan kepercayaan orang ramai kepadanya.	
3	meningkatkan kebencian dan ketidakpuasan hati orang ramai.	
4	mewujudkan suasana yang harmoni sesama rakan.	
5	mengeratkan hubungan dengan orang di sekeliling.	
6	dapat menjadikan diri seseorang menjadi sombong dan riak.	
7	melahirkan sikap yang mulia.	
8	akan disenangi dan mempunyai ramai kawan.	
9	rakan-rakan akan menjauhi orang yang mempunyai sikap amanah.	
10	menjadi bahan ejekkan orang ramai.	

C. Isikan tempat-tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

amanah	janji	kepercayaan	terbaik	dipuji
dipercayai	sentosa	berkat	tidak amanah	keji

1. Azman _____ apabila dia berkelakuan baik dan amanah.
2. Setiap _____ yang dibuat hendaklah ditunaikan, jika tidak kita tidak akan dipercayai lagi.
3. Sikap jujur dan _____ haruslah dipupuk sejak kecil lagi.
4. _____ yang telah diberikan kepada kita haruslah kita jaga dengan baik.
5. Kamu haruslah melakukan pekerjaan yang _____ apabila pekerjaan itu diamanahkan kepada kamu.
6. Orang yang tidak amanah tidak dapat _____.
7. Mira menyuruh adiknya memberikan gula-gula itu kepada kawan-kawannya tetapi adiknya mengambil dan makan kesemua gula-gula itu. Sikap ini ialah sikap _____.
8. Sikap berbohong atau berdusta merupakan sikap yang _____.
9. Jika kita mengamalkan sikap jujur sepanjang hayat kita, kita akan mendapat _____.
10. Seseorang yang mengamalkan sikap jujur, hidupnya akan bahagia, aman dan _____.